

PARLIMEN
MALAYSI
A

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUABELAS 2011

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA: 29 NOVEMBER 2011

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO. 10
HINGGA 42)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

SOALAN NO.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LI SAN**
DARI PAD A **Y.B. TUAN WONG HO LENG**
KAWASAN **SIBU**

TARIKH **: 29 NOVEMBER 2011 (SELASA)**

SOALAN

Y.B. TUAN WONG HO LENG [SIBU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Jambatan Rajang (Lanang) akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Nyatakan syarat-syarat pengambilalihan jambatan tersebut dan sama ada pengutipan tol jambatan akan dibatalkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Jamba tan Batang Rajang Hulu Lanang, Sarawak telah dibina menerusi perjanjian penswastaan yang melibatkan Kerajaan Negeri Sarawak dengan sebuah syarikat swasta. Jambatan sepanjang 1.2 kilometer itu telah siap dibina pada 11 April 2006 dengan kos projek sebanyak RM180 juta. Menerusi perjanjian konsesi yang telah dimeterai dengan Kerajaan Negeri, syarikat swasta terlibat dibenarkan untuk mengutip tol di jambatan tersebut untuk tempoh konsesi selama 30 tahun.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak Kementerian baru-baru ini turut dimaklumkan mengenai cadangan Kerajaan Negeri untukewartakan beberapa batang jalan di Sarawak sebagai Jalan Persekutuan melalui surat daripada Jabatan Kerja Raya Sarawak bertarikh 31 Oktober 2011. Antara jalan yang dicadangkan termasuklah jajaran daripada Simpang Kelupu/Julau/Durin ke Jalan Sibul/Bintulu (di belakang Hospital Umum Sibul) yang turut merangkumi Jambatan Rajang Hulu Lanang (Upper Lanang) seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sehubungan itu, perkara ini kini sedang dalam kajian dan pertimbangan pihak Kementerian termasuk mengambil kira implikasi kewangan dan sosio ekonomi kawasan yang dimaksudkan.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian berpandangan masih terlalu awal untuk memutuskan sama ada pengutipan tol jambatan akan

dibatalkan memandangkan perkara ini perlu diperhalusi dengan teliti
sebelum diangkat ke Jemaah Menteri untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA

YB DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

SOALAN NO. 11

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH 29.11.2011

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) usaha Kerajaan dalam menangani masalah brain drain di negara ini; dan
- (b) apakah halangan dan kekangan utama yang dihadapi oleh negara kita untuk menarik minat rakyat negara ini yang telah berkhidmat di luar negara, untuk kembali berkhidmat di negara ini (misalnya faktor gaji dan lain-lain).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Isu *brain drain* adalah isu yang dipandang serius oleh Kerajaan. Mengikut Laporan *Malaysia Economic Monitor: Brain Drain* yang diterbitkan oleh Bank Dunia pada April tahun ini, kira-kira satu juta rakyat Malaysia sedang menetap di luar negara, di mana seorang daripada setiap tiga yang bekerja di luar negara berkepakaran tinggi. Daripada bilangan

berkepakaran tinggi di luar negara pada 2010, dianggarkan lebih separuh berada di Singapura, 15% di Australia, 10% di Amerika Syarikat dan 5% di United Kingdom. Namun begitu, isu ini bukanlah unik untuk Malaysia memandangkan masalah *brain drain* turut dihadapi oleh semua negara, khususnya negara-negara yang berpendapatan sederhana (*middle-income countries*) di mana seseorang mempunyai keinginan dan keupayaan untuk bermigrasi ke negara yang berpendapatan tinggi.

Walau bagaimanapun, Laporan Bank Dunia tersebut juga menyatakan bahawa, "*The results suggest that Malaysia has so far been spared from the detrimental type of brain drain*". Kenyataan tersebut mengakui bahawa stok modal insan berkepakaran yang sedia ada di Malaysia tidak terhakis dan dapat dikekalkan memandangkan bilangan yang berhijrah diimbangi dengan bilangan yang berlepasan ijazah dari institusi pelajaran tinggi tempatan.

Namun begitu, Kerajaan tidak mempunyai sikap *complacent* dan terus berusaha menghadapi cabaran bagaimana untuk menggunakan fenomena *brain drain* ini untuk faedah negara. Pendekatan ini adalah selaras dengan rumusan Laporan Bank Dunia tersebut yang menyatakan, "*Brain drain is a wave to be ridden, not a tide to be turned*". Ini adalah memandangkan pemindahan pengetahuan di antara negara asal dan negara destinasi akan menyumbang kepada peningkatan dalam bidang sains dan teknologi dan rangkaian perniagaan yang mantap, seterusnya meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan asing di sesebuah negara. Justeru, fenomena emigrasi modal insan tidak semestinya negatif tetapi mempunyai potensi positif terhadap sesebuah negara, khususnya dalam menarik pulang

rakyat Malaysia yang berkepakaran tinggi serta membina jaringan pasaran sebagai saluran untuk mempromosi produk dan perkhidmatan Malaysia di luar negara.

Berdasarkan potensi tersebut, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) terus berusaha menjalankan sesi temu seru ke arah membangunkan jaringan dengan masyarakat Malaysia di luar negara, termasuk di Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Sesi temu seru sedemikian turut diadakan bersama wakil-wakil industri dalam negara untuk mempromosikan peluang pekerjaan profesional yang wujud hasil daripada pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Selain itu, TalentCorp juga terus berusaha untuk membina jaringan profesionalisme dengan mereka yang menetap di luar negara untuk '*leverage*' kepakaran dan jaringan luar negara mereka bagi faedah pembangunan ekonomi tempatan walau di manapun mereka berada. Misalnya, beberapa pakar Malaysia dari Silicon Valley telah dijemput kembali ke tanahair untuk mengendalikan bengkel di ibu negara pada bulan yang lalu bersama beberapa syarikat bertaraf Koridor Raya Multimedia (MSC).

Antara faktor yang memberi kesan terhadap pemilihan tempat kerja rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi termasuklah faktor berkaitan dengan gaji, prospek pembangunan kerjaya serta kualiti kehidupan seharian. Sehubungan ini, Laporan Bank Dunia turut mencadangkan supaya Malaysia berusaha meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan

pembangunan secara inklusif untuk menarik dan mengekalkan tenaga kerja berkepakaran tinggi di Malaysia.

Perubahan yang dicadangkan tersebut adalah selaras dengan pendekatan holistik Kerajaan YAB Perdana Menteri ke arah mentransformasikan negara: **pertama**, melalui pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) ke arah menarik pelaburan asing bagi membantu industri beralih ke rantaian nilai yang lebih tinggi dan mewujudkan peluang pekerjaan professional yang berpendapatan tinggi; **kedua**, melalui pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) ke arah meningkatkan lagi taraf kehidupan rakyat jelata, khususnya dari segi menangani masalah jenayah dan meningkatkan kualiti pendidikan; dan **ketiga**, melalui gagasan 1 Malaysia bagi memupuk semangat keterangkuman (*inclusiveness*) di kalangan rakyat. Sehubungan ini, TalentCorp akan terus bekerjasama dengan rakyat Malaysia di dalam dan di luar negara bagi meningkatkan kesedaran mengenai peluang pekerjaan professional dalam negara.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL
KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS _____ (2011)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB
[BALING]

TARIKH 29 NOVEMBER 2011 [SELASA]

SOALAN :

Dato' Taib Azamuddin bin Md Taib [Baling] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Akta Halal yang dijanjikan Kerajaan akan dibentang

dan dibahaskan di Parlimen memandangkan kebelakangan ini usaha kawalan halal dipertikaikan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab yang boleh membangkit sensitiviti umat Islam.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari bahawa isu kehalalan sesuatu produk yang dipasarkan di negara ini adalah merupakan isu yang sensitif dan sering menjadi rungutan masyarakat. Kerajaan, menerusi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah bekerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuklah Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) untuk mempertingkatkan keupayaan Kerajaan dalam memantau pengeluaran dan pemasaran produk-produk yang dikatakan halal daripada mengelirukan umat Islam.

Setakat ini, Rang Undang-Undang Perihal Dagangan 2011 telah dibentang dan diluluskan di Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat pada bulan Julai yang lalu. Berdasarkan undang-undang tersebut, JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri dinamakan sebagai satu-satunya pihak berkuasa berwibawa untuk mengeluarkan sijil dan logo halal. Menerusi kaedah ini, ia diyakini mampu untuk mengatasi isu keraguan berhubung status halal sesuatu produk yang mendapat sijil dan logo halal dari syarikat persendirian.

Selain itu, undang-undang tersebut juga memperuntukkan mengenai kesalahan dan hukuman berat kepada pengusaha industri khususnya produk makanan yang cuba untuk mengelirukan pengguna bahawa makanan tersebut adalah halal sedangkan ia tidak halal. Oleh itu, pada masa sekarang, Kerajaan berpandangan bahawa penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 2011 itu dalam pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan halal adalah mencukupi.

Berhubung dengan penggubalan Akta Halal, cadangan tersebut masih di peringkat kajian oleh pihak Kerajaan. Kajian pewujudan undang-undang ini sedang ditekuni secara mendalam bagi memastikan undang-undang yang akan digubal nanti adalah lengkap dan komprehensif serta mematuhi jadual pembahagian bidang kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri-Negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **Y.B.DATUK AARON AGO ANAKDAGANG(KANOWIT)**

TARIKH **29 NOVEMBER 2011 (SELASA)**

SOALAN **Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta PERDANA MENTERI menyatakan hasil daripada polisi, strategi dan segala kempen dan aktiviti Kerajaan dalam mengurangkan jurang polarisasi antara kaum di Malaysia.**

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, di mana-mana negara majmuk termasuk Malaysia, atas sebab perbezaan etnik, agama, budaya atau bahasa, rakyat cenderung bergaul berkelompok sendiri, dan kurang bergaul dengan kelompok-kelompok lain

secara rapat. Ini menjadi punca polarisasi sosial antara kaum atau kelompok. Fenomena polarisasi ini meningkat apabila pemimpin-pemimpin tertentu mempolitikkan isu-isu dari sudut yang sempit atau ekstrim, mencetuskan perselisihan serta sentimen perkauman atau agama yang menggugat ketenteraman masyarakat, sekiranya tidak diuruskan dan ditangani dengan sesuainya.

Dalam konteks Malaysia, pucuk pimpinan negara pada amnya memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman, mengekalkan keharmonian, menguruskan pelbagai jurang antara kaum serta meredakan sebarang sentimen dan sengketa yang timbul. Penggubalan polisi dan strategi dalam semua bidang sentiasa berpandukan kepada Pelembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asasi semua rakyat secara betapa seimbang yang mungkin.

Sememangnya, pelaksanaan pelbagai polisi pada amnya telah berjaya membawa hasil kemajuan ekonomi dan pembangunan sosial yang dapat dinikmati oleh hampir semua rakyat, serta mengekalkan keharmonian, kestabilan dan keamanan. Walaubagaimanapun, masih terdapat cabaran-cabaran dan aspek-aspek kekurangan yang perlu ditangani supaya mengurangkan jurang dan polarisasi antara kelompok.

Misalnya, dalam sektor ekonomi, pelaksanaan dasar pembangunan, sejak 1970 khasnya telah berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat pada amnya, hampir menghapuskan kemiskinan tegar dan menstrukturkan semua masyarakat. Akan tetapi, golongan berpendapatan rendah 40% ke bawah dari semua kaum masih perlu dibela dan dibantu supaya jurang pendapatan dapat dikurangkan. Penyertaan Bumiputera telah meningkat khasnya dalam beberapa bidang, tetapi pembangunan keusahawanan Bumiputera masih memerlukan pendekatan baru yang lebih berkesan. Oleh itu, baru-baru ini, Perdana Menteri kita telah melancarkan program

No. SOALAN: 13

Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera. Di sebaliknya, di kalangan bukan bumiputera, terdapat perasaan dipinggirkan (*deprivation*) atau disekat, maka liberalisasi telah dimulakan untuk bidang-bidang tertentu dalam sektor perkhidmatan.

Sistem persekolahan yang berbilang aliran bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah membolehkan rakyat kita mempelajari kemahiran dalam pelbagai bahasa. Ini menjadi kelebihan dalam usaha kita untuk menerokai pasaran-pasaran besar di negara-negara Islam dan Barat serta China dan India. Akan tetapi, untuk mengurangkan polarisasi, menggalakkan interaksi dan memupuk persefahaman di kalangan remaja dan belia yang berbilang kaum, beberapa program telah dilaksanakan, seperti Rancangan Integrasi Murid-murid untuk Perpaduan (RIMUP) bagi sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran, program Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah menengah, dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institusi pengajian tinggi, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), program pembangunan belia dan sukan, dan sebagainya. Usaha menambahbaikkan program-program ini sedang dan hendaklah terus dipertingkatkan.

NO SOALAN *lm*

Pada masa yang sama, usaha perlu ditingkatkan untuk terus menggalakan interaksi dan kerjasama antara kaum di tempat kerja, di tempat kediaman, di tempat riadah dan rekreasi, melalui penyertaan dan sumbangan dari syarikat swasta, kesatuan pekerja, persatuan penduduk, Rukun Tetanga, JKKK, RELA, pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) dan badan sukarela. Di samping itu, dialog dan interaksi antara para pemimpin agama telah dan sedang berlangsung di kalangan mereka sendiri dan juga melalui sebuah jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh kerajaan. Kesemuanya ini adalah bertujuan untuk mencegah dan mengurangkan polarisasi serta memupuk keharmonian dan kesepaduan masyarakat (*social cohesion*).

Adalah jelas bahawa proses membina negara dan memupuk perpaduan sememangnya merupakan satu perjuangan yang berterusan yang memerlukan pembaharuan dan transformasi. Itulah sebab utamanya YAB Perdana Menteri telah giat melaksanakan gagasan 1 Malaysia sejak 2009 untuk terus menyemaikan konsep Wasatiyyah atau kesederhanaan dan nilai-nilai murni serta sikap penerimaan, saling menghormati dan keterangkuman (*inclusiveness*) di kalangan rakyat. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*) memerlukan penyertaan dan sumbangan semua pihak, terutamanya para pemimpin politik, pemimpin masyarakat dan penjawat awam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
(BACHOK)
PERTANYAAN LISAN

TARIKH 29.11.2011

Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menyenaraikan firma-firma peguam yang terlibat di dalam pengendalian dokumentasi perbankan Islam serta perincian pemilikan umat Islam/bukan Islam firma tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak campur tangan dalam proses pelantikan panel-panel guaman sesebuah institusi kewangan yang terlibat dalam dokumentasi perbankan Islam. Pada dasarnya, setiap institusi kewangan mempunyai dasar-dasar dalaman yang bersesuaian untuk meneliti, melantik dan memantau kewajaran sesebuah panel guaman yang diamanahkan untuk mengendalikan dokumentasi produk-produk kewangan yang ditawarkan di pasaran.

2. Dalam konteks perbankan Islam, kelayakan serta pengalaman sesebuah firma guaman dalam mengendalikan dokumentasi perbankan Islam adalah antara faktor penting yang mempengaruhi pemilihan panel-panel guaman oleh

bank-bank Islam.

NO SOALAN 17

3. Proses pendrafan dan pelaksanaan setiap dokumen undang-undang yang diguna pakai dalam produk perbankan Islam perlu melalui perbincangan terperinci dan pelbagai peringkat saringan oleh pakar-pakar yang terdiri daripada wakil panel guaman yang dilantik, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah dan para pegawai undang-undang bank-bank Islam yang berkenaan. Dalam hal ini, setiap terma dan syarat yang terkandung di dalam borang-borang, surat perjanjian dan dokumen-dokumen undang-undang yang lain mesti mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah terlebih dahulu. Proses yang terperinci ini membantu bank-bank Islam dalam memastikan status patuh Syariah produk-produk perbankan Islam yang ditawarkan di samping menjamin keberkesanan dokumentasi perbankan Islam daripada sudut undang-undang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH 29 NOVEMBER 2011 (SELASA)
DARIPADA Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID
[PADANG BESAR]

SOALAN

Y.B. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG BESAR] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sama ada Kerajaan akan menggubalkan satu dasar khusus bagi memastikan rakyat akan membina "rumah-rumah atas tiang" khasnya di kawasan-kawasan rendah (*flood prone areas*) yang di bawah kelolaan Kerajaan tempatan memandangkan perubahan iklim masa kini yang kian ketara.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak bercadang untuk mengubal satu dasar atau garis panduan berhubung dengan reka bentuk rumah atau bangunan yang sesuai dibina di negara ini. Namun begitu, Kementerian tiada halangan sekiranya terdapat pemaju-pemaju dan rakyat yang ingin membina bangunan-bangunan dan rumah-rumah di atas tiang.

Kementerian melihat pembinaan bangunan-bangunan dan rumah-rumah di atas tiang bukanlah penyelesaian kepada mengurangkan kemusnahan harta benda akibat daripada masalah banjir yang berlaku. Antara langkah-langkah yang terbaik bagi mengatasi masalah banjir adalah seperti sistem tebatan banjir, pembangunan sistem ramalan dan amaran banjir, infrastruktur saluran yang mencukupi dan penyelenggaraan perparitan yang sempurna dan pembangunan semula (*redevelopment*) kawasan-kawasan yang sesak secara terancang.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
November 2011

SOALAN NO.

16 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA YB DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH 29.11.2011

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah mengikut bidang kepakaran, tenaga pakar dan golongan-golongan ikhtisas rakyat Malaysia yang berkhidmat di luar negara serta nyatakan sebab-sebab kenapa mereka keberatan untuk pulang berkhidmat di negara sendiri dan lebih selesa di negara asing.

JAWAPAN

Isu *brain drain* adalah isu yang dipandang serius oleh Kerajaan. Mengikut Laporan *Malaysia Economic Monitor: Brain Drain* yang diterbitkan oleh Bank Dunia pada April tahun ini, kira-kira satu juta rakyat Malaysia sedang menetap di luar negara, di mana seorang daripada setiap tiga yang bekerja di luar negara berkepakaran tinggi. Daripada bilangan berkepakaran tinggi di luar negara pada 2010, dianggarkan lebih separuh berada di Singapura, 15% di Australia, 10% di Amerika Syarikat dan 5% di United Kingdom. Namun begitu, isu ini bukanlah unik untuk Malaysia memandangkan masalah *brain drain* turut dihadapi oleh semua negara, khususnya negara-negara yang berpendapatan sederhana (*middle-income countries*) di mana seseorang mempunyai keinginan dan keupayaan untuk bermigrasi ke negara yang berpendapatan tinggi.

Walau bagaimanapun, Laporan Bank Dunia tersebut juga menyatakan bahawa, *“The results suggest that Malaysia has so far been spared from the detrimental type of brain drain”*. Kenyataan tersebut mengakui bahawa stok modal insan berkepakaran yang sedia ada di Malaysia tidak terhakis dan dapat dikekalkan memandangkan bilangan yang berhijrah diimbangi dengan bilangan yang berlepasan ijazah dari institusi pelajaran tinggi tempatan.

Namun begitu, Kerajaan tidak mempunyai sikap *complacent* dan terus berusaha menghadapi cabaran bagaimana untuk menggunakan fenomena *brain drain* ini untuk faedah negara. Pendekatan ini adalah selaras dengan rumusan Laporan Bank Dunia tersebut yang menyatakan, *“Brain drain is a wave to be ridden, not a tide to be turned”*. Ini adalah memandangkan pemindahan pengetahuan di antara negara asal dan negara destinasi akan menyumbang kepada peningkatan dalam bidang sains dan teknologi dan rangkaian perniagaan yang mantap, seterusnya meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan asing di sesebuah negara. Justeru, fenomena emigrasi modal insan tidak semestinya negatif tetapi mempunyai potensi positif terhadap sesebuah negara, khususnya dalam menarik pulang rakyat Malaysia yang berkepakaran tinggi serta membina jaringan pasaran sebagai saluran untuk mempromosi produk dan perkhidmatan Malaysia di luar negara.

Berdasarkan potensi tersebut, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) terus berusaha menjalankan sesi temu seru ke arah membangunkan jaringan dengan masyarakat Malaysia di luar negara, termasuk di Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Sesi temu seru sedemikian turut diadakan bersama wakil-wakil industri dalam negara untuk mempromosikan peluang pekerjaan profesional yang wujud hasil

daripada pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Selain itu, TalentCorp juga terus berusaha untuk membina jaringan profesionalisme dengan mereka yang menetap di luar negara untuk '*leverage*' kepakaran dan jaringan luar negara mereka bagi faedah pembangunan ekonomi tempatan walau di manapun mereka berada. Misalnya, beberapa pakar Malaysia dari Silicon Valley telah dijemput kembali ke tanahair untuk mengendalikan bengkel di ibu negara pada bulan yang lalu bersama beberapa syarikat bertaraf Koridor Raya Multimedia (MSC).

Tuan Yang Dipertua,

Antara faktor yang memberi kesan terhadap pemilihan tempat kerja rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi termasuklah faktor berkaitan dengan gaji, prospek pembangunan kerjaya serta kualiti kehidupan seharian. Sehubungan ini, Laporan Bank Dunia turut mencadangkan supaya Malaysia berusaha meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan pembangunan secara inklusif untuk menarik dan mengekalkan tenaga kerja berkepakaran tinggi di Malaysia.

Perubahan yang dicadangkan tersebut adalah selaras dengan pendekatan holistik Kerajaan YAB Perdana Menteri ke arah mentransformasikan negara: pertama, melalui pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) ke arah menarik pelaburan asing bagi membantu industri beralih ke rantai nilai yang lebih tinggi dan mewujudkan peluang pekerjaan professional yang berpendapatan tinggi; kedua, melalui pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) ke

arah meningkatkan lagi taraf kehidupan rakyat jelata, khususnya dari segi menangani masalah jenayah dan meningkatkan kualiti pendidikan; dan ketiga, melalui gagasan 1 Malaysia bagi memupuk semangat keterangkuman (*inclusiveness*) di kalangan rakyat. Sehubungan ini, TalentCorp akan terus bekerjasama dengan rakyat Malaysia di dalam dan di luar negara bagi meningkatkan kesedaran mengenai peluang pekerjaan professional dalam negara.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH

[LENGGONG]

TARIKH : 29 NOVEMBER 2011

SOALAN

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan:-

- (a) langkah jangka panjang yang diusahakan bagi mengatasi masalah jerebu; dan

- (b) apakah cadangan dan perancangan Kementerian mengatasi perubahan iklim yang tidak menentu sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian jerebu yang berlaku di negara ini adalah berpunca daripada faktor domestik dan faktor luaran iaitu, jerebu merentasi sempadan. Antara punca dalaman negara termasuk:

- i. pembakaran terbuka;
- ii. pelepasan dari kenderaan bermotor;
- iii. pelepasan dari cerobong industri; dan
- iv. aktiviti kerja tanah.

Langkah jangka panjang yang diusahakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Sekitar di peringkat serantau dan tindakan dalam negara bagi mengatasi masalah jerebu adalah seperti berikut:

- i) memainkan peranan aktif dalam forum-forum peringkat tertinggi serantau terutama ASEAN bagi menangani isu pencemaran jerebu merentasi sempadan. Ini adalah penting bagi mengikuti perkembangan dan mengawasi tindakan serta status pelaksanaan obligasi yang telah dipersetujui oleh negara-negara ASEAN kepada "Sub-Regional Ministerial Steering Committee On Transboundary Haze Pollution" (atau MSC);
- ii) melaksanakan program pencegahan kebakaran dan pengurusan tanah gambut yang sering terbakar di

Semenanjung, Sabah dan Sarawak; dan

- iii) melaksanakan strategi-strategi seperti yang, digariskan dalam Pelan Tindakan Udara Bersih Jabatan Alam Sekitar bagi mengurangkan pencemaran udara dari punca-punca utama iaitu, pelepasan dari kenderaan bermotor, industri dan pembakaran terbuka.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu perubahan iklim secara bersepadu, Kerajaan telah melancarkan Dasar Perubahan Iklim Negara pada 30 Ogos 2010. Untuk menyelaraskan usaha-usaha Dasar tersebut, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Dasar Perubahan Iklim Negara berperanan sebagai satu rangka kerja untuk menggerak dan memberikan panduan kepada agensi kerajaan, industri, komuniti dan juga pihak berkepentingan dalam menghadapi cabaran perubahan iklim secara menyeluruh dan bersepadu. Dasar ini menitikberatkan pengukuhan keupayaan negara agar impak perubahan iklim dapat dikurangkan, di samping menggalakkan langkah mitigasi dan adaptasi yang boleh mempertingkatkan pembangunan negara secara lestari.

Dalam hubungan ini, Mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim pada 11 Ogos 2011 telah bersetuju agar *Carbon Intensity Reduction Roadmap Malaysia* dibangunkan untuk mengarusperdanakan pelaksanaan langkah-langkah mitigasi dan

adaptasi di dalam perancangan pembangunan lestari negara
menjelang dan selepas tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: **18**

PEMBERETAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTAMYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN HOHD FIRDAUS BEN

JAAFAR

ICAWASAN

JERAE

TARIKH

29 NOVEMBER 2011

SOALAN

Y.B. TUAM MOHD FERDAUS BEN JAAFAR [JERAI] minta MENTERJ
KERJA RAYA menyenaraikan kadar sewa gerai-gerai dan tapak-tapak niaga
di R&R yang terdapat di sepanjang lebuh raya seluruh negara dan apakah
Kerajaan tidak berhasrat mengawalinya kerana mengakibatkan harga
barangan menjadi terlalu tinggi serta membebankan pengguna

JAWAPAN /

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan Rehat *SI* Rawat (RscR) yang dibina di lebuhraya adalah bertujuan bagi memberi kemudahan kepada para pengguna dengan menyediakan kemudahan seperti stesen minyak, gerai makanan, surau, tandas dan sebagainya. Sehingga kini, terdapat sebanyak 614 pengusaha gerai di kawasan RscR di semua lebuhraya yang sedang beroperasi di negara ini. Secara amnya, kadar sewa yang dikenakan untuk lot gerai atau tapak niaga yang disediakan adalah di antara RM250 hingga RM 1,200 sebulan bergantung kepada lokasi kawasan RscR tersebut dan jenis perniagaan yang dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, para peniaga di kawasan RscR adalah dikehendaki untuk mempamerkan harga makanan dan minuman serta barangan yang dijual secara jelas untuk kemudahan rujukan para pengguna. Di samping itu, kadar harga yang dikenakan oleh peniaga akan diselaraskan oleh syarikat konsesi berdasarkan kadar harga di pasaran supaya sentiasa berpatutan.

Sehubungan itu, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan syarikat konsesi yang terlibat sentiasa bekerjasama dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) di dalam memantau dan memastikan harga jualan barangan di kawasan RscR dipamerkan dan kadarnya berpatutan. Sebarang aduan

mengenai harga barangan yang terlalu tinggi akan diteliti dan disiasat sebelum sebarang tindakan susulan diambil terhadap pengusaha gerai yang terbabit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN DING KUONG HIING
[SARIKEI]
TARIKH 29 NOVEMBER 2011
SOALAN**

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan status melaksanakan Klinik Satu Malaysia yang telah dirancang di Pekan Jakar, Sarikei dan menyatakan juga secara terperinci jumlah, jawatan kakitangan yang terlibat serta kemudahan peralatan.

Tuan Yang Di-Pertua

Bagi permohonan penubuhan Klinik 1 Malaysia di Pekan Jakar, pihak Kementerian mendapati lokasi ini adalah tidak menepati kriteria penubuhan Klinik 1 Malaysia dan terletak dikawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, terdapat 3 buah fasiliti kesihatan sedia ada yang terletak diantara 7km-10km radius dari Pekan Jakar yang memberikan perkhidmatan kepada 7,000 orang penduduk seperti berikut:

- a) Klinik Kesihatan Sarikei terletak 10 km dari Pekan Jakar;
- b) Klinik Desa Sungai Rusa terletak 9 km dari Pekan Jakar; dan

c) Klinik Desa Bayong yang terletak 7 km dari Pekan Jakar.

Fasiliti kesihatan sedia ada dapat diakses dengan mudah oleh penduduk setempat dan dihubungi dengan jalanraya yang baik.

Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak akan sentiasa memantau keperluan penduduk di Pekan Jakar dan cadangan untuk mewujudkan Klinik 1 Malaysia akan dipertimbangkan pada masa akan datang.

NO SOALAN :M

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG)
LISAN

PERTANYAAN 29.11.2011

TARIKH

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan langkah-langkah yang di ambil oleh Bank Negara untuk memastikan bahawa saudara-mara Menteri-menteri tidak dibenarkan melobi untuk kontrak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengurusan perolehan yang diamalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) adalah tertakluk kepada Polisi dan Prosedur Pengurusan Perolehan (*Procurement Management Policy and Procedures -PMPP*) yang telah diluluskan oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah BNM.

2. Objektif polisi ini adalah untuk memastikan semua proses perolehan yang dilaksanakan oleh pihak BNM diuruskan dengan teratur mengikut amalan tadbir urus yang telus dan berintegriti. Amalan tadbir urus tersebut dapat mengelak daripada berlakunya pembaziran, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa serta memberi nilai pulangan yang terbaik (*best value*

for money) kepada pihak BNM.

3. Di bawah peruntukan PMPP, semua proses penilaian bagi perolehan barangan dan perkhidmatan akan dilakukan oleh panel penilai bebas yang dilantik di kalangan kakitangan yang tidak terlibat dengan proses pembelian tersebut. Bagi memastikan akauntabiliti dalam setiap proses perolehan, tahap kelulusan panel penilai bebas yang dilantik adalah berdasarkan pada nilai kontrak yang dikeluarkan. Bagi perolehan yang melebihi RM5,000,000, BNM dikehendaki untuk mengemukakan permohonan kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan akhirsebelum sesuatu perolehan dilakukan.

4. PMPP juga menetapkan bahawa kriteria pemilihan pembekal barangan dan perkhidmatan akan dinilai berdasarkan beberapa faktor seperti kualiti, kuantiti, spesifikasi teknikal, masa penghantaran dan harga yang kompetitif.

5. Segala maklumat berkaitan kaedah penilaian dan keputusan pemberian kontrak oleh pihak panel penilai bebas akan didokumentasikan selengkapnya bagi:

- (i) tujuan audit oleh Jabatan Audit Dalam BNM;
- (ii) semakan penilaian risiko (*risk assessment review*) oleh Jabatan Pengurusan Risiko BNM; dan
- (iii) pengauditan pengurusan kewangan tahunan oleh Jabatan Audit Negara.

6. Sehubungan dengan itu, PMPP yang diamalkan oleh BNM dapat menjamin ketelusan dalam pemberian kontrak barangan dan perkhidmatan tanpa mengambil kira hubungan dengan pihak-pihak yang berkepentingan.

WO- SoA^AnJ • *-1

~~NO:AUM:1~~

~~NQ:AUP:~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]
TARIKH 29 NOVEMBER 2011
RUJUKAN 4216

SOALAN:

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang diambil kepada sesetengah syarikat yang telah mengubahsuai Sistem Alat Biometrik dan adakah pantauan ada dilakukan di setiap syarikat yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Parit Sulong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat Pengurus yang terlibat dalam pengubahsuaian peralatan biometrik telah dipanggil oleh pihak Kementerian dan telah mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan kadar segera. Syarikat-syarikat Pengurus telah memberikan

penjelasan yang munasabah kepada pihak Kementerian maka tindakan perundangan tidak diambil ke atas mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH 29 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah penduduk Kuala Lumpur dari segi penduduk asal, pemastautin tetap, pendatang asing dengan izin dan tanpa izin setakat Jun 2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli yang berhormat, berdasarkan anggaran Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sehingga Jun 2011 dianggarkan berjumlah **1,737.8 ribu** orang, di mana **penduduk warganegara adalah 1,581.8 ribu** dan **bukan warganegara 156.0 ribu**. Anggaran penduduk bukan warganegara adalah termasuk penduduk tetap, pekerja asing, pegawai dagang, pelajar asing, pelawat asing dan lain-lain yang datang secara sah.

Berdasarkan rekod pendaftaran di Jabatan Pendaftaran Negara pula, bilangan **pemastautin tetap** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sehingga Julai 2011 dianggarkan berjumlah **50,527 orang**.

Manakala jumlah **pendatang asing**, berdasarkan data yang telah dimuat naik pendaftarannya ke dalam National Enforcement and Registration (Biometric) System (NERS), Kementerian Dalam Negeri, sehingga Ogos 2011, seramai **388,341** orang pendatang asing berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (jumlah ini tidak termasuk pembantu rumah asing, pegawai dagang, peserta Program *Malaysia My Second Home*, pemegang kad UNHCR, pelajar asing dan pelawat asing). Daripada jumlah tersebut, **58,020 orang adalah pekerja asing yang sah** manakala **330,321 orang adalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)**.

NO SOALAN: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA		Y.B DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN (KOTA BELUD)
TARIKH		29.11.2011 (SELASA)

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada Kementerian boleh mengeluarkan sejumlah tanah dari kawasan Kem Paradise di Kota Belud untuk pembesaran kawasan kampung berdekatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kawasan Kem Paradise di Kota Belud seluas 116,716 ekar ini digunakan secara aktif oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai Kawasan Tembakan Tentera (*'Target Area'*) dan juga Kawasan Latihan Tentera (*'Army Training Area' - AT A*). Buat masa ini, kawasan tersebut digunakan untuk lapang sasar ATM untuk pelbagai jenis peralatan selain digunakan sebagai lapang sasar udara ke bumi oleh pesawat-pesawat pejuang TUDM. Selain daripada itu, Lapang Sasar Kota Belud ini juga sering kali digunakan untuk eksesais-eksesais dan latihan bersama dengan tentera-tentera dari negara jiran.

Bagi tanah yang telah diberimilik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang digunakan, Kementerian akan mengekalkan tanah tersebut bagi tujuan seperti di atas, manakala untuk tanah-tanah Kerajaan Negeri yang telah diwartakan bagi kegunaan tentera dan tidak lagi aktif digunakan, ianya boleh dipertimbangkan untuk dilepaskan semula kepada Kerajaan Negeri. Kementerian telah menimbangkan permohonan penduduk setempat dan bersetuju untuk melepaskan sebahagian tanah ATA di kawasan Kem Paradise milik Kerajaan Negeri seluas 700 ekar di Kampung Pintasan bagi tujuan projek Agropolitan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA).

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN NO: 19

PERTANYAAN JAWAB LISAN
DARIPADA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI]
TARIKH 29 NOVEMBER 2011 (SELASA)
SOALAN Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI

PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

- a. langkah-langkah Kementerian untuk mempromosikan Kuala Krai sebagai lokasi sarang burung walit yang terkemuka di negara ini; dan
- b. nyatakan kawasan lain yang menjadi tumpuan industri ini.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Industri sarang burung walit telah berkembang dengan pesatnya dan mendapat sambutan daripada ramai golongan penternak dan pengusaha. Harga sarang burung walit yang mahal merupakan dorongan utama aktiviti ini mendapat perhatian. Hampir keseluruhan kawasan di negara ini adalah sesuai untuk menjalankan aktiviti penternakan burung walit. Oleh itu, usaha-usaha mempromosi aktiviti penternakan dan pemprosesan sarang burung walit adalah dijalankan di seluruh negara dan tidak hanya untuk kawasan Kuala Krai.

Selain daripada daerah Kuala Krai, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga mengadakan aktiviti bagimemperkenalkan industri ini ke seluruh negara dengan mengadakan program seperti kursus, latihan dan seminar untuk pegawai teknikal dan bakal pengusaha premis burung walit. Dari tahun 2006 sehingga 2009 sebanyak 29 kursus *Good Animal Husbandary Practise* (GAHP) dan tiga kursus teknikal berkaitan dengan burung walit telah dianjurkan kepada pengusaha yang berminat termasuk pegawai DVS sendiri. Bagi tahun 2011, DVS telah mengadakan seminar industri burung walit sebanyak dua kali, terbuka kepada sesiapa yang berminat dan satu kursus khas berkaitan teknikal industri ini kepada para pegawai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN
PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL
KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011
PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	PERTANYAAN LISAN
Daripada	Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]
Tarikh Menjawab	29 November 2011 (Selasa)
Soalan	No. 25

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta MENTERI
PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan:-

- (a) sambutan ke atas penggunaan B5 biodiesel sejak ia dilancarkan; dan
- (b) subsidi yang perlu ditanggung oleh Kementerian untuk setiap liter B5 biodiesel dan adakah ia berdaya maju untuk tempoh jangka panjang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN
JAMBATAN KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-12, 2011

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telahpun melaksanakan program B5 yang melibatkan penggunaan adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum bermula di stesen-stesen minyak di Putrajaya pada 1 Jun 2011. Susulan pelaksanaan program B5 di Putrajaya, ianya akan diperluaskan di Melaka mulai 1 Julai 2011, Negeri Sembilan pada 1 Ogos 2011, Kuala Lumpur pada 1 September 2011 dan Selangor pada 1 Oktober 2011. Bagi lain-lain kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, ia akan dilaksanakan secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Program B5 di Putrajaya, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Selangor sepenuhnya mulai 1 November 2011 akan melibatkan penggunaan biodiesel sawit sebanyak 155,440 tan atau 178 juta liter setahun oleh sektor bersubsidi. Pelaksanaan program ini dianggar akan membabitkan subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan sebanyak RM 124.6 juta setahun.

Pelaksanaan program ini perlu dilihat dari perspektif pengukuhan harga minyak sawit dengan bertambahnya penggunaan dalam negara. Selain itu, program ini juga dapat menyumbang kepada penjimatan pelepasan rumah gas hijau.

SOALAN NO: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

TARIKH: 29 NOVEMBER 2011

SOALAN:

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah kajian dan pembaharuan akan dibuat terhadap undang-undang dan polisi yang tidak konsisten dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan pertubuhan buruh antarabangsa.

PR-1243-L46663

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Konvensyen-konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) adalah instrumen perburuhan antarabangsa yang universal kerana ia tidak mengambil kira keadaan perbezaan sosio-ekonomi antara negara-negara anggota. Di Malaysia, undang-undang, peraturan dan polisi perburuhan negara kita mempunyai objektif yang melindungi hak-hak majikan dan pekerja.

2. Dalam kajian dan pembaharuan untuk meminda undang-undang negara, Kementerian Sumber Manusia mengambil kira peraturan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan ILO yang telah diratifikasi oleh Malaysia supaya selaras dengan Pelembagaan Persekutuan.

3. Antara undang-undang Malaysia yang tidak selaras dengan undang-undang Antarabangsa adalah seperti Akta Pampasan Pekerja 1952 yang bertentangan dengan Equality of Treatment (Accident Compensation) Convention 1925 (No. 19). Sebab-sebab ketidakseragaman antara dua (2) undang-undang ini adalah pekerja asing diambil bekerja untuk tempoh yang terhad.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sepang di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Malaysia berpandangan bahawa pergolakan politik yang berlaku di beberapa negara di Asia Barat dan Afrika Utara seperti Yemen, Syria, Mesir dan Libya antara lain adalah disebabkan oleh masalah kepimpinan politik dan ekonomi dalaman di negara-negara berkenaan akibat dari peningkatan kadar pengangguran, kemiskinan, kadar inflasi yang tinggi serta ketidakseimbangan dalam pengagihan kekayaan negara.

3. Dalam hal ini, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dasar luar Malaysia adalah tidak mencampuri hal ehwal dalaman sesebuah negara. Walau bagaimanapun, Malaysia, sebagai negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (*Organisation of Islamic Cooperation* - OIC), dengan izin, prihatin dengan konflik yang berlaku di negara-negara ini, yang mengakibatkan ramai orang awam terkorban. Malaysia telah menggunakan peluang di dalam mesyuarat OIC untuk mengutarakan keprihatinan negara kepada negara-negara terbabit.

4. Dari segi hubungan dua hala dengan negara-negara tersebut, Malaysia turut menyuarakan keprihatinan kita dan berharap agar konflik di negara-negara ini dapat diselesaikan melalui dialog dan secara aman. Peluang ini diambil semasa lawatan pemimpin-pemimpin negara tersebut ke Malaysia dan juga semasa pertemuan di persidangan antarabangsa seperti di Pertubuhan

Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

5. Malaysia tetap akan meneruskan hubungan dua hala diplomatik dengan negara-negara berkenaan untuk memelihara kepentingan negara dari segi politik dan ekonomi, dan demi menjaga keselamatan dan kebajikan rakyat Malaysia yang berada di sana.

6. Pergolakan politik ini, sekiranya berlarutan tanpa sebarang penyelesaian yang memuaskan semua pihak di negara-negara tersebut, akan memberi kesan terhadap kestabilan serantau dan ekonomi dunia termasuk Malaysia, berikutan kenaikan harga petroleum dan gas di pasaran dunia.

7. Kerajaan Malaysia juga telah mengambil beberapa langkah termasuk membawa pulang rakyat Malaysia dari Mesir, Libya, Yemen dan Syria, untuk mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan berlaku. Seterusnya, Malaysia akan terus memantau perkembangan di rantau tersebut dan mengambil langkah-langkah yang wajar demi memastikan kepentingan negara dari segi politik dan ekonomi terus terjamin.

Sekian, terima kasih.

SOALAN 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

**: Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM A/L
SUNDARAM (KAPAR)**

TARIKH

: 29 NOVEMBER 2011

SOALAN

**: Merninta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

Menyatakan bilangan pelancong tempatan yang melancong dalam negara dan negeri manakah yang menerima kehadiran pelancong yang teramai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kapar, bagi statistik pelancongan domestik, Kementerian Pelancongan menggunakan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Pada 2010, jumlah pelancong domestik ialah seramai 39.53 juta pelancong dimana Sarawak menerima pelancong domestik yang teramai iaitu 8.91 juta pelancong. Statistik jumlah pelancong domestik mengikut negeri pada 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah seperti berikut:

BIL	NEGERI	JUMLAH PELANCONG (‘000)	PERATUS
1.	Sarawak	8,911	22.5
2.	Pahang	4,009	10.1
3.	Johor	3,310	8.4
4.	Sabah	3,272	8.3
5.	Perak	3,074	7.8
6.	Kelantan	2,465	6.2
7.	Selangor	2,456	6.2
8.	Kedah	2,383	6.0
9.	Kuala Lumpur	2,192	5.5
10.	Terengganu	1,884	4.8
11.	Pulau Pinang	1,564	4.0
12.	Negeri Sembilan	1,488	3.8
13.	Melaka	1,143	2.9
14.	Labuan	664	1.7
15.	Peril's	385	0.9
16.	Putrajaya	340	0.9
	JUMLAH	39,539	100.0

NO SOALAN ~~8~~

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN
BUMBURING @ WILFRED
(TUARAN)
PERTANYAAN LISAN
TARIKH 29.11.2011

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED [TUARAN] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada Sabah masih diwakilii dalam Lembaga Pengarah MAS setelah MAS menjual sebahagian sahamnya kepada AirAsia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Pengarah MAS tidak lagi mempunyai wakil dari negeri Sabah sejak 8 Ogos 2011. Walau bagaimanapun, kepentingan rakyat Sabah tidak diabaikan memandangkan sebuah Panel Penasihat Kerjasama akan diwujudkan di bawah Rangka Kerja Kerjasama Komprehensif (CCF) di mana ia akan membariskan wakil daripada Sabah dan Sarawak bagi memastikan kepentingan orang ramai termasuk penduduk

NO SOALAN ~~8~~

Sabah dan Sarawak sentiasa diambil kira dalam operasi MAS dan AirAsia.

SOALAN NO.: 17

EIMMRITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN

KAWASAN

ABDULLAH KOTA BHARU

TARIKH

29 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH [KOTA BHARU] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan tarikh slap pembinaan jambatan Manek Urai Kuala Krai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Projek Membina jambatan Baru menghubungkan Manek Urai Lama dengan Manek Urai Baru, Kuala Krai, Kelantan telah dimulakan pada 20 Oktober 2010 dengan tempoh siap kerja selama 24 bulan. Skop projek ini melibatkan pembinaan satu unit jambatan sepanjang 200 meter atau 5 span dengan kelebaran 10 meter, termasuk membina jalan tuju di atas Sg Lebir, Kuala Krai, Kelantan.

Sehingga 21 November 2011, kemajuan kerja-kerja fizikal di tapak projek ialah sebanyak 34.5% berbanding 42.2% mengikut jadual, atau bersamaan 47 hari lewat jadual. Berdasarkan kepada perancangan, projek ini dijangka akan siap sepenuhnya pada 19 Oktober 2012.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN
KEDUA BELAS, TAHUN 2011 PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB**

(MARAN)

**: 29.11.2011
(SELASA)**

SOALAN : Jg*

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**

menyatakan apakah peranan dan usaha agensi di bawah Kementerian seperti RISDA dan FELCRA dapat meneruskan kesinambungan program-program keusahawanan seperti Karnival Usahawan Desa (KUD) serta membantu penduduk luar bandar dalam meningkatkan ekonomi keluarga.

Berapakah

penghasilan yang diperolehi melalui program seperti ini.
Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, agensi-agensi Kementerian seperti RISDA, FELCRA, KEMAS, MARA, KEDA, KEJORA, JAKOA dan KESEDAR memainkan peranan yang aktif membangun dan membimbing usahawan-usahawan dibawah sasaran masing-masing. Selain penyertaan usahawan di Karnival Usahawan Desa (KUD) anjuran Kementerian, setiap agensi akan menganjurkan mini KUD di peringkat zon atau negeri. Usahawan juga dibantu untuk menyertai pameran anjuran agensi lain-lain Kementerian dan agensi serta pihak swasta seperti MAHA, MIHAS, Halfest dan lain-lain. Bantuan juga diberi untuk membolehkan usahawan menembusi pasaran antarabangsa melalui penyertaan aktiviti promosi dan pemasaran Luar Negara.

Selain daripada itu, lain-lain bantuan yang diberi kepada usahawan adalah seperti pembiayaan perniagaan, latihan-latihan keusahawanan dan premis perniagaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, juga KUD 2011 yang berlangsung pada 21 hingga 25 September 2011 melibatkan penyertaan 500 usahawan bimbingan agensi Kementerian.

Jualan produk dan perkhidmatan sebanyak RM1.44 juta telah dicapai iaitu melepasi sasaran RM1 juta yang ditetapkan oleh Kementerian. Disamping itu, tempahan produk usahawan bernilai RM3.59 juta direkodkan hasil daripada *business matching* yang diadakan semasa karnival berlangsung.

FBMBBRJTAAHUAH PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANE
KAWASAN : TANAH ME RAH
TARIKH : 29 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI [TANAH MERAH] minta MENTERI ICERJA RAYA menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meneruskan kembali Cadangan Skop Projek jalan Pintas Tanah Merah yang telah ditarik balik sebelum ini memandangkan kesesakan yang berlaku di Tanah Merah terutamanya pada waktu puncak dan juga musim perayaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya peka dan prihatin terhadap masalah lalulintas di Bandar Tanah Merah terutamanya pada waktu puncak dan pada musim perayaan. Sehubungan itu, Kajian Semula Pelan Rangkaian jalanraya (HNDR) Fasa 1 telah mengenal pasti keperluan pembinaan Jalan Pintas Tanah Merah untuk menyuraikan trafik dan mengurangkan kesesakan lalulintas di Bandar Tanah Merah. Skop projek ini melibatkan pembinaan jalan baru sepanjang 17 kilometer dengan standard pfawai JKR R3 dan sebuah jejambat di atas landasan keretapi di Bandar Tanah Merah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kerja Raya akan mencadangkan projek ini sebagai berkeutamaan tinggi dalam permohonan rolling plan ketiga RMKe-10. Walau bagaimanapun pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi, jabatan Perdana Menteri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI
(LEDANG)

TARIKH

29.11.2011

SOALAN:

Y.B. IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kemudahan pembelajaran yang disediakan oleh Kementerian kepada murid-murid pintar seperti Adi Putra mengembangkan ilmu dan formula baru matematik dan lain-lain untuk dimanfaatkan oleh rakyat di negara ini. Nyatakan juga bagaimana Kerajaan dapat memastikan pelajar pintar seperti Adi Putra tidak meninggalkan negara ini kerana mendapat tawaran yang lebih baik daripada negara lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sedar keperluan menyediakan kemudahan pembelajaran yang relevan dan selari dengan tuntutan semasa supaya murid-murid dapat belajar dalam persekitaran sekolah yang kondusif dan selesa.

Berkaitan dengan kemudahan pembelajaran untuk murid pintar seperti Adi Putra, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang berusaha menyediakan kemudahan pembelajaran yang bersesuaian kerana murid-murid pintar memiliki tahap pemikiran yang lebih tinggi berbanding rakan sebaya serta mampu menguasai akademik dengan mudah dan cepat.

Sehubungan dengan itu, KPM sedang merangka suatu kajian khusus untuk Pelajar Pintar Cerdas dan kajian tersebut masih di peringkat penyediaan kertas cadangan.

Rjm 107

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO* KAMARUDINBIN JAFFAR

[TUMPAT]

TARIKH 29 NOVEMBER 2011

SOALAN

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan lagi amalan memberi kontrak kepada syarikat asing untuk mengendalikan publisiti untuk Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

NO. SOALAN : 34

Sebarang keputusan kerajaan untuk terus memberi kontrak kepada syarikat asing mengendalikan urusan publisiti kerajaan tertakluk kepada keperluan dan keadaan semasa dengan mengambil kira kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

KJo • SoAL A|J ' 5i> NO:

AUMI27

NQnADP:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]
TARIKH	29 NOVEMBER 2011
RUJUKAN	4218

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah Pendatang Tanpa Izin di kawasan Parlimen Puchong serta tindakan yang telah pun serta akan diambil untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian hanya mempunyai data statistik Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) mengikut negeri. Negeri Selangor mencatatkan pendaftaran PATI yang tertinggi iaitu seramai 353,306 orang.

Bentuk kawalan yang dilakukan bagi menghindari banjir PATI sebelum masuk ke Malaysia adalah:

- i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;
- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;
- iii) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja

Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan

- iv) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).

Manakala kawalan setelah berada dalam negara adalah:

- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan
- ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

NO SOALAN : 36

DARIPADA DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ

[SRI GADING]

TARIKH 29 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila agaknya Program PERMATA Negara dapat diperluaskan lagi peranannya ke luar bandar.

NO SOALAN : 36

JAWAPAN

YB. DATUK SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Program PERMATA telahpun dilaksanakan secara projek perintis mulai tahun 2007 sehingga 2011. Dalam tempoh pelaksanaan projek perintis ini, pelan perancangan perluasan Program PERMATA secara keseluruhannya telah dirancang dengan sasaran penubuhan sebuah Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) di setiap kawasan parlimen. Pelaksanaan pelan perancangan perluasan adalah secara berperingkat dimulakan pada tahun 2009 dengan penubuhan PAPN di 3 kawasan parlimen di setiap negeri.

Pelaksanaan perluasan Program PERMATA ini juga dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan lain seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bagi membolehkan Program PERMATA diperluaskan ke kawasan luar bandar dan oleh Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi kawasan pinggir bandar.
Sekian. Terima kasih.

W. so A L ArJ *. ?■?

AG. AUM :- 13-

MOA IIP.
iiw, Mur *.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR]
TARIKH	29 NOVEMBER 2011
RUJUKAN SOALAN:	4314

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah rakyat asing yang didaftarkan dalam Program 6P di setiap negeri dan 5P di Sabah yang telah berakhir pada 31 Ogos 2011 serta bilangan mereka dari setiap negara asing. Apakah tindakan selanjutnya terhadap rakyat asing ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Proses Pendaftaran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah dijalankan bermula 1 Ogos sehingga 31 Ogos 2011 di seluruh Semenanjung Malaysia dan 18 Julai hingga 8 Ogos 2011 di Sabah.

Hasil positif Program 6P ini dapat dilihat dalam kejayaan pendaftaran sehingga tarikh tamat Proses Pendaftaran Program 6P iaitu pada 31 Ogos 2011 seramai 2,320,034 orang PATI dan pekerja asing sah telah berdaftar melalui sistem biometrik. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,303,126 (56%) adalah PATI dan seramai 1,016,908 orang (44%) pula adalah pekerja asing yang sah. Seramai 161,548 orang PATI telah didaftarkan di Sabah.

Warganegara Indonesia merupakan jumlah yang terbesar pekerja asing sah dan PATI yang berada di negara ini dengan jumlah seramai 1,045,921. Pecahan adalah 405,312 bagi pekerja asing sah dan 640,609 bagi PATI. Warganegara Bangladesh adalah golongan kedua terbesar dengan jumlah 400,700 orang iaitu 132,897 bagi pekerja asing yang sah dan 267,803 bagi PATI. Ini diikuti dengan negara Myanmar (257,583), Nepal (255,054) dan India (107,427).

Negeri Selangor mencatatkan pendaftaran yang tertinggi. Jumlah PATI yang didaftarkan di Selangor ialah seramai 353,306 orang dan jumlah pekerja asing sah 200,100 orang menjadikan jumlah seramai 553,406 orang. Di WP Kuala Lumpur pula, seramai 330,321 orang PATI dan 58,020 orang pekerja asing sah menjadikan jumlah seramai 388,341 orang. Johor pula mencatatkan seramai 331,661 orang yang terdiri dari 128,064 orang PATI dan 203,597 orang pekerja asing sah

Tuan Yang Di-pertua,

Rakyat asing ini diberikan pilihan sama ada ingin bekerja di negara ini atau pulang ke negara asal. Bagi mereka yang ingin bekerja, mereka akan diregularisasikan untuk mengisi kekosongan kerja di negara sekiranya memenuhi syarat dan kelayakan. Bagi warga asing yang ingin kembali ke negara asal, mereka diberikan peluang untuk berbuat demikian tanpa dikenakan kompaun.

Manakala bagi PATI yang gagal berdaftar dan yang masih berada di dalam negara ini selepas tamat tempoh Program 6P, tindakan perundangan akan diambil semasa proses selanjutnya iaitu melalui Proses Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran. Operasi Penguatkuasaan pada kali ini akan dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasa yang lain termasuk Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, RELA, Agensi Antidadah Kebangsaan dan pelbagai agensi lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
 [GOMBAK]**

TARIKH 29 NOVEMBER 2011

SOALAN 38

Tuan Mohamed Azmin bin AM [Gombak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan bahawa tiada individu atau syarikat yang memonopoli industri penerbangan negara berikutan perjanjian pertukaran saham di antara AirAsia dan Malaysia Airlines. Apakah tindakan lanjut Kerajaan berhubung protes daripada Kesatuan Sekerja MAS untuk membantah perjanjian ini. Adakah Kerajaan bercadang untuk meminda untuk mengetatkan undang-undang anti monopoli bagi menjamin hak pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan tiada individu atau syarikat yang memonopoli industri penerbangan negara, Kerajaan membenarkan mana-mana syarikat penerbangan tempatan dan asing yang memiliki lesen perkhidmatan udara untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan dan bersaing di antara satu sama lain. Perjanjian pertukaran saham di antara Khazanah dan Tune Air adalah merupakan urusan jual-beli saham berasaskan pertimbangan komersil yang hanya melibatkan 20% saham MAS dan 10% saham AirAsia. Sehubungan dengan itu, isu monopoli tidak timbul dalam perjanjian pertukaran saham tersebut.

Protes daripada Kesatuan Sekerja MAS yang membantah perjanjian ini adalah merupakan tindakan yang diambil sejajar dengan hubungan di antara majikan dan kesatuan sekerja. Sehubungan dengan itu, isu ini akan diselesaikan di antara majikan dan kesatuan sekerja, tertakluk kepada persetujuan bersama di kedua-dua belah pihak tanpa penglibatan Kerajaan.

Bagi menjamin hak pengguna daripada tindakan monopoli oleh mana-mana syarikat penerbangan, Kerajaan akan menguatkuasakan Akta Anti Persaingan bermula pada tahun 2012.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA	JAWAB LISAN Dato ¹ Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]
TARIKH SOALAN	29 November 2011 (Selasa) Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan bilakah pembayaran pampasan kepada nelayan- nelayan yang terjejas akibat pembinaan Jambatan Ke-2 Pulau Pinang dapat diselesaikan.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia bertanggungjawab untuk menguruskan tuntutan pampasan kepada penternak ikan dalam sangkar dan kerang, manakala Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bertanggungjawab untuk menguruskan tuntutan pampasan oleh nelayan yang terjejas akibat pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Pampasan berjumlah RM2.072 juta telah dibayar oleh syarikat konsesi iaitu syarikat Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB) pada 13 April, 2009 kepada 5 orang penternak kerang yang terkena 'direct impact' pembinaan jambatan kedua ini ataupun kawasan ternakan kerang yang telah diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan pembinaan jambatan tersebut. Seramai 2,882 orang nelayan dari 24 buah kampung serta seramai 109 orang penternak sangkar dan 20 orang penternak kerang telah terjejas secara tidak langsung akibat pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Dalam mesyuarat yang diadakan pada 29 September 2011, pihak JKSB telah bersetuju untuk membayar saguhati berjumlah RM6.685 juta kepada penternak dan nelayan yang terlibat. Daripada jumlah tersebut, RM6.0 juta diperuntukan untuk pembayaran saguhati kepada 2,882 orang nelayan dan

RM685,000 bagi pembayaran saguhati kepada 129 orang penternak ikan dan kerang.

Kaedah bayaran saguhati kepada penternak ikan dan kerang dipersetujui supaya diberikan dalam bentuk input operasi projek iaitu pemberian benih ikan dan kerang. Majlis penyerahan bayaran saguhati kepada penternak ikan dan nelayan telah diadakan pada 24 Oktober, 2011 di Perkarangan Stadium Batu Kawan, Pulau Pinang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]

TARIKH 29 NOVEMBER 2011

SOALAN:

DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kos tambahan yang dianggarkan Kerajaan jika sistem biometrik untuk pengesahan pengundi hendak dilaksanakan dan berapa kos tambahan sekiranya dakwat kekal yang digunakan. Apakah nama syarikat-syarikat yang telah ditender, untuk mendapat kontrak pembekalan mesin atau peralatan biometrik ini nanti.

SOALAN NQ.40

I

SOALAN NQ.40

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR telah memaklumkan bahawa mereka sedang di peringkat mengkaji sama ada untuk menggunakan sistem biometrik atau pun menggunakan dakwat kekal bagi verifikasi pemilih semasa pilihan raya. Justeru tidak timbul soal kos perbelanjaan dan nama syarikat-syarikat yang telah ditender seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Pun begitu, sekiranya Ahli Yang Berhormat berpendapat proses pilihan raya yang sedia ada perlu ditambahbaik lagi, maka eloklah dikemukakan pandangan dan cadangan tersebut kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya untuk dikaji sebelum dikemukakan kepada SPR untuk dilaksanakan mengikut masa dan keadaan serta kemampuan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO'JOHARI BIN ABDUL

[SUNGAI PETANI]

NO. SOALAN : 41

TARIKH 29 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) dalam sesi Parlimen yang lepas Ahli Parlimen Machang menyebut Kerajaan menerusi Jabatan Perdana Menteri telah membayar sejumlah RM57.68 juta kepada FBC Mediadi antara tahun 2008 hingga 2009 untuk menjalani kempen media secara 'haram' (illegal), adakah ini benar; dan
- (b) jika tidak benar, adakah Kerajaan berhajat mengambil tindakan undang-undang terhadap Ahli Parlimen Machang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Kerajaan telah mendapatkan khidmat juru perunding FBC Media (UK) bagi menyediakan perkhidmatan perunding, nasihat dan menguruskan kempen komunikasi bermula pada tahun 2007. Kontrak selama setahun itu telah disambung sebanyak dua kali dan ditamatkan pada tahun 2010. Nilai kontrak untuk tiga tahun itu ialah Euro 19.6 juta.
- b) Kerajaan tidak berhasrat untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas Ahli Parlimen Machang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BINHAJI SAMSURI
(BAGAN SERAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.11.2011

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJISAMSURI [BAGANSERAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sepanjang tahun Januari 2010 hingga 29 Ogos 2011, berapa banyakkah Projek Runding Terus dan nilai projek-projek tersebut yang diluluskan oleh YAB Menteri Kewangan. Berikan justifikasi anugerah Projek Runding Terus ini berasaskan fakta kepentingan dan keberuntungan kepada Negara dan Rakyat. yang mereka perolehi.

NO SOALAN :2Q(q~

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan dalam peraturan perolehan Kerajaan telah menetapkan semua perolehan Kerajaan yang bernilai melebihi RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka. Kementerian Kewangan sentiasa memberi penekanan agar perolehan Kerajaan dilaksanakan secara tender terbuka selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan tahap ketelusan dan mendapatkan harga yang kompetitif.

2. Rundingan Terus merupakan pengecualian daripada peraturan perolehan (*exception rather than the rule*) dan dibenarkan dalam kes-kes tertentu. Di antara justifikasi perolehan secara Runding Terus adalah yang melibatkan keselamatan, perolehan strategik, penyeragaman dan keperluan kepakaran yang khusus dan teknologi tinggi terutama bagi projek-projek yang kompleks. Agensi Kerajaan perlu mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan beserta justifikasi kukuh keperluan melaksanakan Rundingan Terus untuk pertimbangan dan keputusan Kementerian Kewangan. Keputusan dibuat hasil daripada perbincangan dan persetujuan bersama oleh semua ahli di bawah Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan (JPMK).

3. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah perolehan yang diamalkan Kerajaan adalah berasaskan garis panduan daripada badan-badan antarabangsa seperti *United Nations Commissions on International Trade Law (UNCITRAL) Model Law on Procurement of Goods, Construction and Services* di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta inisiatif perolehan yang dibincangkan dalam Kumpulan Pakar Perolehan Kerajaan di bawah Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC). Semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan hendaklah mengikut dasar-dasar semasa Kerajaan, peraturan yang berkuat kuasa serta amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dan lima (5) prinsip perolehan Kerajaan iaitu akauntibiliti awam, telus, nilai faedah terbaik,

saingan terbuka serta adil dan saksama.

NO SOALAN :2Q(q~